

Ridzwan: Memenuhi keperluan yang berubah

PERUBAHAN BESAR AMLA

- 1 OCT 1986

Oleh ISMAIL PANTEK



• EN RIDZWAN
Saranan-saranan dijangka
dikemukakan hujung
tahun ini

MAJLIS Agama Islam Singapura (Muis) akan mengemukakan saranan bagi pindaan menyeluruh terhadap Akta Pentadbiran Hukum Islam (Amla).

Presiden Muis, Encik Ridzwan Dzafir, memberitahu *Berita Harian* bahawa saranan-saranan tersebut yang meliputi pelbagai aspek di dalam Amla akan dikemukakan kepada pemerintah tidak lama lagi — berkemungkinan besar sebelum penghujung tahun ini.

Untuk tujuan ini, Muis akan mengadakan satu mesyuarat khas di kalangan beberapa orang pakar undang-undang dan Islam untuk membincangkan saranan pindaan tersebut.

Ketika ditemui selepas majlis dialog dengan lima buah badan Islam di pejabat Muis semalam, Encik Ridzwan berkata bahawa pindaan tersebut perlu dibuat memandangkan kepada keadaan hidup masyarakat Islam yang semakin berubah hari ini.

La juga perlu dibuat untuk meluaskan kuasa Muis dalam memainkan peranannya menjaga kebajikan dan keperluan masyarakat Islam setempat.

"Pada keseluruhannya, kira-kira 40 saranan pindaan mungkin akan kami lakukan kepada pihak berkuasa.

"Beberapa takrifan undang-undang yang ada sekarang di bawah Amla perlu diubah-suaikan dan beberapa takrifan baru perlu diperkenalkan.

"Malah, beberapa peranan baru Muis juga

akan digariskan di bawah pindaan yang bakal kami sarankan itu," kata beliau.

Beliau, bagaimanapun, tidak memberi butir-butir lanjut mengenai saranan tersebut.

Encik Ridzwan selanjutnya berkata bahawa Muis sebenarnya memang telah lama mengkaji soal hendak meminda Amla itu.

"Ia telah diusahakan oleh Majlis Muis sejak beberapa tahun lalu dan kerana itu, kami berasa bahawa sekarang adalah masanya untuk kita mengemukakan saranan-saranan pindaan tersebut," tambah beliau lagi.

Lebih baik

Setelah saranan-saranan tersebut selesai dibincangkan dan diperhalusi, ia akan dikemukakan kepada Menteri Bertanggungjawab bagi Ehal Masyarakat Islam, Dr Ahmad Mattar.

Seandainya Dr Mattar bersetuju dengan prinsip-prinsip yang disarankan itu, maka ia kemudian akan dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara untuk diteliti dari segi undang-undang.

Setelah itu, barulah ia dikemukakan kepada Parlimen untuk dibahas dan diluluskan sebelum dilaksanakan.

Amla, yang meliputi peraturan mengenai

agama Islam, telah di kuatkuasakan sejak 1968 dan telah beberapa kali dipinda untuk disesuaikan dengan perubahan dan kehendak masyarakat Islam.

Antaranya ialah pindaan untuk membolehkan pekerja Islam membuat sumbangan menerusi potongan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) kepada Dana Pembinaan Masjid dan kemudian sumbangan kepada Yayasan Mendaki.

Sementara itu, dalam majlis dialog semalam, berbagai-bagai perkara telah ditimbulkan oleh wakil-wakil lima buah badan — Persatuan Guru-Guru Agama Singapura (Pergas), Persatuan Pelajar-Pelajar Agama Dewasa Singapura (Perdaus), Persatuan Muhibah Islam (IFA), Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura dan Persatuan Arab Singapura. (C)

Antaranya ialah:

- perlunya Muis mengambil tindakan lanjut daripada saranan-saranan yang dikemukakan dalam Muktamar Dakwah bulan lalu;
- rancangan Muis apabila Pusat Islam Singapura siap kelak;
- soal fatwa, seperti kadar faedah di bank-bank;
- perlunya Muis berusaha memberi gaji dan syarat kerja yang lebih baik kepada para ustaz dan ustazah madrasah; dan
- perlunya Muis menumpukan lebih banyak perhatian bagi menyelaraskan kegiatan di masjid-masjid.

• Lihat Muka 10